

Landskap merupakan satu daripada dua tajuk elektif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pilihan Sains Pertanian Tingkatan 3. Kandungan

Kajian Tindakan : Meningkatkan Penguasaan Pelajar Dalam Tajuk Landskap Menggunakan Peta Minda.

ABSTRAK:

Landskap merupakan satu daripada dua tajuk elektif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pilihan Sains Pertanian Tingkatan 3. Kandungan tajuk ini didapati agak panjang dan kurang dikuasai oleh pelajar. Hasil tinjauan mendapati pelajar sukar mengingat ciri-ciri sesuatu jenis kumpulan tanaman landskap dan tidak dapat mengenalpasti contoh-contoh tanaman dalam sesuatu kumpulan tanaman hiasan Perancangan tindakan telah memilih 15 orang pelajar dari kelas 3 Merah sebagai sampel untuk dicuba pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta minda sebagai strategi untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam tajuk ini. Pelajar telah didedahkan kepada teknik peta minda selama 35 minit dan kajian ini diselesaikan dalam masa 3 minggu. Keputusan ujian menunjukkan prestasi pelajar dalam tajuk ini telah meningkat dan keputusannya setanding malah ada yang lebih baik berbanding pelajar dari kelas 3 Biru yang dari segi kognitifnya lebih tinggi tetapi diajar secara kaedah biasa.

1. Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu

Tajuk Landskap dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pilihan Sains Pertanian merupakan satu tajuk yang agak panjang, skop yang luas serta kurang digemari oleh pelajar. Tajuk ini juga sukar diajar terutama kepada pelajar yang lemah, tambahan pula tiada kerja kursus daripada tajuk ini yang termasuk dalam pemarkahan kerja kursus PMR Tetapi dari segi penilaian isi kandungan tajuk ini merupakan tajuk yang penting dikuasai oleh pelajar untuk menjawab soalan Peperiksaan PMR Kertas 1 berdasarkan peruntukan waktu yang banyak dalam sukatan pelajaran KHB..

ajuk ini didapati agak panjang dan kurang dikuasai oleh pelajar. Hasil tinjauan mendapati pelajar sukar mengingat ciri-ciri sesuatu jenis kumpulan tanaman landskap dan tidak dapat mengenalpasti contoh-contoh tanaman dalam sesuatu kumpulan tanaman hiasan Perancangan tindakan telah memilih 15 orang pelajar dari kelas 3 Merah sebagai sampel untuk dicuba pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta minda sebagai strategi untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam tajuk ini..Pelajar telah didedahkan kepada teknik peta minda selama 35 minit dan kajian ini diselesaikan dalam masa 3 minggu. Keputusan ujian menunjukkan prestasi pelajar dalam tajuk ini telah meningkat dan keputusannya setanding malah ada yang lebih baik berbanding pelajar dari kelas 3 Biru yang dari segi kognitifnya lebih tinggi tetapi diajar secara kaedah biasa.

1. ISU KPRIHATINAN

Tajuk Landskap dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pilihan Sains Pertanian merupakan satu tajuk yang agak panjang, skop yang luas serta kurang digemari oleh pelajar. Tajuk ini juga sukar diajar terutama kepada pelajar yang lemah, tambahan pula tiada kerja kursus daripada tajuk ini yang termasuk dalam pemarkahan kerja kursus PMR Tetapi dari segi penilaian isi kandungan tajuk ini merupakan tajuk yang penting dikuasai oleh pelajar untuk menjawab soalan Peperiksaan PMR Kertas 1 berdasarkan peruntukan waktu yang banyak dalam sukatan pelajaran KHB..

2. Isu Keperihatinan /Fokus Kajian

Kajian ini cuba mengalih perhatian pelajar supaya bukan sahaja dapat menguasai tajuk ini dengan baik tetapi cuba mengaplikasi pengetahuan menggunakan peta minda dan borang grafik sebagai satu cara mencatat nota dan memudahkan proses menyimpan maklumat dan mengingatkan kembali. Ini penting dalam kemahiran belajar secara berkesan untuk meningkatkan prestasi dalam semua matapelajaran.

3. Objektif Kajian

3.1 Objektif Am:

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pencapaian pelajar dalam peperiksaan PMR bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sains Pertanian.

3.2 Objektif Khusus

- i. Meningkatkan penguasaan pelajar dalam tajuk Landskap
- ii. Mencuba menggunakan kaedah peta minda sebagai strategi untuk meningkatkan pencapaian pelajar.
- iii. Mengubah cara pengajaran guru supaya tidak terlalu berpusatkan guru dan proses pembelajaran lebih menarik
- iv. Meningkatkan daya ingatan pelajar menggunakan kaedah yang mudah dan berkesan dalam kemahiran belajar.

4.0 Kumpulan Sasaran

Terdiri daripada 15 orang pelajar daripada Tingkatan 3 Merah yang prestasi semasa mereka adalah sederhana dan pencapaian mereka dibuat perbandingan dengan 16 orang pelajar dari kelas 3 Biru yang prestasi semasanya lebih baik tetapi diajar menggunakan teknik biasa

5.0 Pelaksanaan Kajian

5.1 Tinjauan Masalah

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian dan pengalaman lalu serta analisis dokumen

5.1.1 Pemerhatian

Saya telah melakukan pemerhatian ke atas tingkah laku pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan didapati ramai pelajar gagal memberikan jawapan yang tepat bagi soalan yang dikemukakan. Semasa sesi soal jawab dan kebanyakan pelajar tidak cuba menjawab soalan yang dikemukakan kerana tidak dapat mengingat isi pelajaran yang diajar tanpa merujuk kepada buku teks. Pengalaman lalu juga

menunjukkan pelajar sukar mengingat isi pelajaran tajuk ini terutama subtajuk kumpulan tanaman landskap kerana kandungannya terlalu banyak iaitu terdiri dari 11 kumpulan tanaman dan nama-nama saintifik tanaman sukar diingati oleh mereka.

5.1.2 Analisis Dokumen

Berdasarkan analisis dokumen daripada ujian bulanan 1, ujian bulanan 2 dan Peperiksaan Pertengahan Tahun didapati pencapaian pelajar KHB Pertanian tahun ini adalah lebih rendah kerana daripada 3 penilaian yang dijalankan ke atas pelajar 31 orang pelajar dari 2 kelas yang dikaji didapati tiada pelajar yang berjaya mendapat gred A bagi ketiga-tiga penilaian tersebut dan terdapat pelajar yang gagal dalam setiap ujian yang dijalankan Analisis juga menunjukkan secara keseluruhan markah purata pelajar bagi kelas 3 Biru adalah lebih tinggi bagi ketiga-tiga ujian tersebut iaitu sebanyak 67,59,59 peratus berbanding 3 Merah yang mencatatkan purata 54,46,54 peratus.

Jadual Perbandingan Keputusan Penilaian Tahun 2006

Gred/ Kelas	Ujian 1		Ujian 2		Pep. Pertengahan	
	3 Biru	3 Merah	3 Biru	3 Merah	3 Biru	3 Merah
A	-	-	-	-	-	-
B	10	5	6	1	2	3
C	6	7	8	5	14	6
D	-	2	2	7	-	5
E	-	1	-	2	-	1
Markah Purata	67	54	59	46	59	54

5.2 Perancangan Tindakan

Bagi meningkatkan pencapaian murid melalui permasalahan yang telah saya kenalpasti, saya telah merangka peta minda, borang grafik dan jadual untuk pelajar mencatat isi -isi penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sebelum itu saya menerangkan serba sedikit tentang struktur, fungsi dan cara otak manusia bekerja.dan bagaimana untuk memahami peta minda dan borang grafik.. Seterusnya saya membimbing pelajar kaedah membina peta minda dan lembaran grafik untuk memudahkan proses menyusun dan mengingati maklumat yang diterima.

5.3 Pelaksanaan Tindakan

Kajian tindakani ini telah dilaksanakan selama 3 minggu dan semasa saya menjalankan kajian tindakan ini saya telah menghabiskan tajuk landskap bagi kelas 3 Merah dan 3 Biru .Saya telah memperuntukkan satu waktu pengajaran dan pembelajaran untuk menerangkan kaedah membina peta minda dan 11 waktu untuk menghabiskan tajuk ini. Pelajar diminta mengisi maklumat maklumat penting pada rangka peta minda dan borang grafik yang disediakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Setelah selesai dengan tajuk ini saya telah meminta pelajar menjawab 20 soalan aneka pilihan berbentuk soalan PMR Latihan yang sama juga dijawab oleh pelajar dari kelas 3 Biru yang diajar menggunakan kaedah biasa..

5.4 Refleksi Kajian

Keputusan latihan yang telah dijalankan bagi 2 kelas tersebut adalah seperti berikut:

Gred/Kelas	3 Biru		3 Merah	
	Bilangan Murid	Peratus	Bilangan Murid	Peratus
A	-		-	
B	10	62.5	10	66.7
C	6	37.5	5	33.3
D	-		-	
E	-		-	
Markah Purata		65		67

Analisis perbandingan keputusan latihan yang diberikan kepada pelajar dari 2 kelas tersebut didapati pelajar dari kelas 3 Merah yang didedahkan dengan teknik peta minda ini berjaya mencatatkan prestasi yang lebih tinggi berbanding penilaian sebelumnya. Prestasi mereka secara keseluruhan juga didapati lebih baik berbanding pelajar dari kelas 3 Biru yang diajar dengan teknik biasa. Iaitu purata markahnya ialah 67 berbanding 65 Walaupun pelajar kelas 3 Merah merupakan pelajar yang lebih lemah berbanding pelajar 3 Biru umpamanya tetapi keputusan ujian menghasilkan kualiti keputusan yang setanding malah sebahagiannya lebih baik berbanding pelajar dari kelas 3 Biru tersebut.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik lembaran grafik dan peta minda banyak membantu pelajar meningkatkan daya ingatan dan kefahaman terhadap apa yang dipelajari disamping menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih menarik perhatian pelajar.

6.0 Cadangan Tindakan Seterusnya

Berdasarkan kajian tindakan ini saya berpendapat semua pelajar perlu didedahkan dan dibiasakan dengan kemahiran membina lembaran grafik dan peta minda untuk mempelbagaikan teknik belajar dan membina nota secara berkesan. Guru-guru juga perlu memperbagai teknik pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar seterusnya menjadikan aktiviti ini lebih menarik.